KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.04.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	UMUM			

Pembangunan alam secara lestari pelaburan jangka panjang





Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kimia dan Persekitaran, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA

Oleh Dr Ismaniza Ismail dan Dr Nurul Nadiah Mohd Firdaus Hum
bhrencana@bh.com.my

Hari ini, kita sekali lagi menyambut Hari Bumi dalam suasana COVID-19. Seperti negara lain, dalam fasa pemulihan dan peralihan ke endemik dalam pergelutan Malaysia menangani wabak ini sambil menguruskan pemulihan ekonomi, dibimbangi fokus terhadap alam sekitar dan ekologi semakin tersasar.

Kali ini, tema sambutan Hari Bumi adalah 'Pelaburan untuk Planet Kita'. Pelaburan dimaksudkan bukan semata-mata umpama menyimpan wang di bank, tetapi lebih kepada amalan dan gaya hidup ke arah pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Dalam kita berbangga menjadi negara membangun, walaupun dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 5.3 peratus dan 6.3 peratus pada tahun ini seperti diunjurkan Bank Negara Malaysia (BNM), pencapaian negara dalam konteks kemampanan alam sekitar masih jauh daripada tahap boleh dibanggakan.

Seperti diketahui pembangunan utama memberi penekanan kepada aktiviti ekonomi dan komersial. Bagaimanapun, definisi pertumbuhan ekonomi tidak dicapai selagi tidak mengaplikasikan konsep pembangunan lestari secara holistik.

Sebagai contoh, kepentingan hutan dan bekalan air bersih sering dipandang enteng dengan alasan sumber masih ada belum lagi terancam. Namun, adakah perlu dinanti sudah terhantuk baru hendak terngadah?

Bahkan, jika disebut peranan hutan dalam ekologi, bekalan dan pengurusan air serta biodiversiti dalam erti kata kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber, mungkin ramai tidak jelas kepentingannya.

Sebagai menyahut cabaran dalam memberikan kesedaran serta pemahaman kepada masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan dan bekalan air, kerajaan mewartakan Dasar Perhutanan Malaysia di samping Dasar Sumber Air Negara sebagai satu bentuk pelaburan melestarikan sumber tidak ternilai ini.

Pembukaan tanah tidak terkawal dan pemusnahan habitat mengganggu biodiversiti sebenarnya membawa banyak kesan negatif tanpa kita sedari.

Lantaran mengejar keuntungan kendiri, masih banyak pihak memandang remeh apabila timbul masalah alam sekitar dan kesihatan walaupun mereka sendiri terjejas.



Contohnya episod jerebu yang berulang saban tahun akibat pembakaran terbuka seperti dianggap sebagai acara tahunan dan pencemaran dari stesen jana kuasa yang dianggap biasa kerana tenaga dihasilkan suatu keperluan.

Ini semua mungkin masih dapat dibendung sekiranya pihak terbabit tidak mengabaikan usaha kerajaan menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan.

Selain itu, krisis bekalan air bersih silih berganti dan episod banjir luar jangka semakin kerap berlaku kebelakangan ini membuktikan tanpa pengurusan mampan, kawasan tadahan serta penyelenggaraan loji rawatan air boleh menjejaskan ekonomi dan kehidupan rakyat jika tidak segera ditangani dengan serius.

Oleh itu, untuk melestarikan sumber air bersih, kita memerlukan pelaburan dari segi amalan hijau baik dari segi pengurusan bekalan air yang ada sehingga kesedaran masyarakat untuk tidak mencemarkan sungai yang menjadi sumber bekalan air, seperti tidak membuang sampah ke dalam sungai dan mempunyai sistem kumbahan yang teratur. Untuk mengelakkan episod banjir daripada berulang pula, kawasan tadahan hijau perlu dipulihara dan dipelihara kembali.

Kes pencemaran udara dan air yang berlaku seperti tragedi Sungai Kim Kim di Johor dan kawasan perindustrian lain dicemari sisa toksik serta bahan buangan seharusnya menjadi pengajaran kepada kita mengenai kesan pencemaran ke atas alam sekitar akan berbalik kepada manusia.

Dalam konteks ini, pihak industri perlu lebih cakna keuntungan industri tidak boleh mengetepikan kepentingan alam sekitar.

> Jika lambat bertindak, dibimbangi beban ditanggung planet kita melewati hadnya dan mengakibatkan bencana yang akan lebih signifikan dari segi kos dan impak terhadap manusia



Dengan adanya tekanan ekonomi lebih menjurus kepada pemuliharaan alam sekitar menerusi amalan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dipraktikkan kebanyakan negara membangun, sedikit sebanyak ini membuka ruang untuk pihak industri berjinak-jinak dengan tenaga boleh diperbaharui atau teknologi hijau dalam proses pembuatan dan pemprosesan.

Penggunaan tenaga yang cekap dalam sektor komersial dan kediaman juga adalah modal harus ditanam untuk keuntungan jangka panjang mulai sekarang.

Peranan melabur untuk alam sekitar yang lebih baik tidak terhenti di situ, kerana peniaga dan penjaja juga boleh menyumbang dengan menggalakkan pembungkusan lebih mesra alam.

Antara usaha boleh diamalkan adalah penggunaan bekas makanan sendiri bagi menggantikan beg plastik sekali guna dan menawarkan sedikit pengurangan harga untuk menggalakkan amalan mulia ini. Dengan kata lain, setiap individu boleh memainkan peranan masing-masing ke arah alam sekitar yang lebih sejahtera.

Sudah tiba masanya untuk semua pihak mengutamakan alam sekitar dan ekologi dalam membuat keputusan. Jika lambat bertindak, dibimbangi beban ditanggung planet kita melewati hadnya dan mengakibatkan bencana yang akan lebih signifikan dari segi kos dan impak terhadap manusia.

Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, industri, syarikat dan individu perlu menggembleng tenaga serta berkorban sebagai pelaburan jangka panjang demi alam sekitar lebih baik untuk anak cucu kita. Pelaburan yang dimaksudkan bukan saja dari segi kewangan, malah anjakan paradigma semua pihak untuk mencapai SDG.

